

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 OGOS 2023
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 26

Perlu idea baharu, segar laksana Ekonomi Madani

Perlu idea baharu, segar laksana Ekonomi Madani

Kuala Lumpur: Kementerian Ekonomi harus menajui Ekonomi Madani, kerangka kerja ekonomi terkini dalam mereka bentuk dasar dan mempunyai penyelarasan dengan kementerian berkaitan yang akan melaksanakannya.

Seorang profesor di Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (MUST) Geoffrey Williams berkata visi dan misi baharu di bawah kerangka kerja Ekonomi Madani memerlukan idea baharu, pandangan segar dan pendekatan baharu di bawah Menteri Rafizi Ramli yang melaporkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Terdapat keperluan membuka ruang dasar kepada idea baharu dan menguji dasar melalui percambahan fikiran dan penglibatan pihak berkepentingan memastikan ia akan berfungsi dan mengurangkan akibat yang tidak diingini.

"Ahli ekonomi di Kementerian Ekonomi boleh melakukannya dan sudah pasti mereka akan menikmati pendekatan yang lebih proaktif untuk membuat dasar dan mereka akan membina kapasiti dalaman mereka sendiri untuk melaksanakannya," katanya.

Pengarah Institut Pembangunan dan Kemajuan Inklusif Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia Profesor Tan Sri Noor Azlan Ghazali berkata kerajaan mesti menginstitusikan inisiatif Ekonomi Madani dengan segera agar pelaksanaan setiap sasaran dan program pembangunan dapat direalisasikan secara serentak dan cepat.

Noor Azlan berkata satu pasukan yang berdedikasi perlu ditubuhkan untuk mengawasi pelaksanaan Ekonomi Madani, yang memerlukan tindakan bersama.



Terdapat keperluan membuka ruang dasar kepada idea baharu dan menguji dasar melalui percambahan fikiran dan penglibatan pihak berkepentingan memastikan ia berfungsi dan mengurangkan akibat yang tidak diingini"

Geoffrey Williams

Bagaimanapun, Williams menekankan bahawa kerajaan tidak boleh mengulangi kesilapan masa lalu dengan menubuhkan pasukan bekas penasihat dasar dan yang telah bersara untuk melakukan perkara dengan cara lama yang sama.

Memandangkan rangka kerja itu menetapkan tujuh penunjuk prestasi utama sebagai sasaran jangka sederhana yang perlu dicapai dalam tempoh 10 tahun, beliau berkata pasukan itu mesti menetapkan pelan pelaksanaan yang jelas dengan skala masa yang munasabah tentang cara dan bila sasaran itu harus dicapai.

Sasarannya ialah Malaysia dalam kedudukan antara 30 ekonomi terbesar dunia, untuk mencapai kedudukan ke-12 dalam Indeks Daya Saing Global dan berada dalam 25 teratas dunia dalam Indeks Pembangunan Manusia serta dalam Indeks Persepsi Rasuah.

Pengarah Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan Putra Business School Profesor Madya Ahmed Razman Abdul Latiff bersetuju bahawa terdapat keperluan untuk membentuk pasukan bagi menyelia pelaksanaan kerangka kerja itu.